

PENEMPATAN SETINGGAN DI SEKITAR KUCHING

NAMA AHLI KUMPULAN:

AUDREY JOHN	2000317478
WINICURIE JOSEPH JETI	2000543844
FLORENCE UKAN GANSOL	2000543869
ALPHAOUS ERICE B. WENCESLAUS	2000373925

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pentadbiran Dan Undang-undang Universiti Teknologi MARA, Kampus Samarahan, Cawangan Sarawak, Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Untuk Memperolehi Diploma Pentadbiran.

7 Oktober 2003

DAFTAR ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. Letter Of Submission	i
2. Penghargaan	ii
3. Abstrak	iii
BAB 1	
1. Pengenalan	5 – 8
2. Pengenalan kepada Masalah Kajian	9 – 17
3. Ciri-ciri Setinggalan	18 – 19
4. Klasifikasi Setinggalan	20 – 22
4.1 Setinggalan Menyewa	
4.2 Setinggalan Yang Sahih	
4.3 Setinggalan Niaga	
4.4 Setinggalan Ambil Alih	
4.5 Setinggalan Spekulasi	
4.6 Separa Setinggalan	
5. Matlamat Kajian	23 – 49
5.1 Matlamat Kajian Secara Am	
5.2 Matlamat Kajian Secara Khusus	
6. Skop Kajian	50 – 52
7. Hipotesis	53
8. Andaian	54 – 55
9. Kepentingan Kajian	56 – 58
9.1 Dari Segi Sosial	
9.2 Dari Segi Ekonomi	
9.3 Dari Segi Politik	

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini adalah dijalankan bagi mengetahui, mengkaji dan mengenalpasti kawasan-kawasan setinggan yang terdapat ~~di~~sekitar Kuching terutamanya di Tabuan Laru. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji tentang jenis-jenis setinggan, sebab-sebab utama wujudnya penempatan setinggan, masalah-masalah yang sering kali dihadapi oleh penduduk kawasan ini, dan juga cara-cara yang dapat digunakan untuk mengatasi masalah penempatan setinggan di kawasan tumpuan kajian ini. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenalpasti sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha menangani masalah kewujudan penempatan setinggan ini dan juga keberkesanan tindakan yang telah diambil oleh mereka. Dari kajian ini nanti diharapkan agar ianya dapat membantu dan memberi kesedaran kepada semua pihak terutamanya kepada penduduk-penduduk di kawasan setinggan tentang kesan daripada tindakan mereka mendirikan penempatan setinggan di kawasan yang tidak dibenarkan oleh pihak kerajaan. Ini kerana tindakan mereka adalah salah ~~di~~isusi undang-undang dan kesan daripada tindakan mereka itu, mereka boleh dihadapkan ke mahkamah kerana kesalahan mereka adalah satu jenayah (Trespass To Land) walaupun tindakan mereka tidak melibatkan keselamatan awam. Dengan ini, diharapkan semoga para penduduk yang menetap di kawasan setinggan akan sedar akan mereka supaya ianya tidak akan berlaku di kawasan lain kerana tindakan mereka ini hanya merugikan diri sendiri, masyarakat dan juga negara.

PENGENALAN

Kajian ini adalah berkisar tentang penempatan setingan dengan kawasan disekitar kawasan Kuching sebagai kawasan tumpuan.

Tempat kajian yang diaplikasikan dalam proses kajian ini adalah di kawasan sekitar Kuching dimana menyenaraikan kawasan-kawasan seperti Tabuan Laru sebagai fokus kepada kajian permasalahan ini. Di kawasan ini kadar peningkatan pola penempatan jenis berselerak ini mengalami proses perkembangan yang agak pesat. Setelah diambil kira dari segi statistik peningkatan dan telah juga menjalani proses pengklasifikasian, kawasan ini telah dikategorikan sebagai di antara kawasan yang mengalami pertumbuhan yang sederhana drastik namun bilangannya semakin meningkat dari semasa ke semasa. Berdasarkan kajian yang telah diimplementasikan, perkembangan peningkatan penempatan di dalam pola penempatan jenis ini dianggarkan secara rawak adalah daripada 2 hingga ke 3 buah kediaman dalam jangkamasa satu bulan kajian.

Berdasarkan beberapa senarai maklumat yang diperolehi, antara penyebab-penyebab yang paling utama adalah seperti kadar kemiskinan yang agak tinggi serta faktor-faktor tempat kerja yang agak berdekatan dengan kawasan kediaman menjadikan ianya sebagai antara faktor sampingan yang tersenarai sebagai antara sebab musabab yang agak konkrit untuk diperkatakan.

PENGENALAN KEPADA PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian masalah ini iaitu “Penempatan Setinggal Di kawasan sekitar Kuching” merupakan antara salah satu daripada masalah dalaman yang terpaksa dihadapi oleh kerajaan tempatan. Selain daripada terpaksa menanggung kerugian yang agak berganda kerana projek-projek pembinaan-pembinaan kawasan perumahan kos rendah yang tidak begitu memberangsangkan dan tidak mencapai objektif yang disenaraikan oleh kerajaan tempatan ini, kerajaan perumahan tempatan juga perlu berdepan dengan masalah yang paling utama iaitu masalah kawasan persekitaran yang mana kini tahap piawaian kebersihannya yang berada di tahap yang begitu rendah dan memerlukan tindakan susulan yang lebih progresif dan efektif.

Berbandukan pemantauan yang dilakukan, kadar pertumbuhan penempatan setinggal ini begitu meningkat adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti kadar kemiskinan yang agak tinggi disamping terdapat juga faktor-faktor seperti tempat-tempat kerja yang terletak berdekatan dengan kawasan kediaman menjidikan ianya sebagai antara faktor sampingan kepada jumlah peningkatan kawasan setinggal ini. Dengan pendapatan per kapita dianggarkan sebanyak RM500 ke RM700 sebulan yang juga merupakan tahap kemiskinan sederhana, maka kehidupan penduduk disini bolehlah kita kelaskan sebagai agak sukar. Tambahan pula dengan pekerjaan yang rata-ratanya tidak begitu menguntungkan contohnya seperti buruh kasar yang juga merupakan pekerjaan majoriti bagi penduduk disini, maka kadar kemiskinan disini amatlah ketara. Disebabkan faktor-faktor inilah, pertumbuhan pola penempatan yang berselerak ini bertambah dari semasa